



PEKELILING PENTADBIRAN
BILANGAN 1 TAHUN 2025

**DASAR DAN GARIS PANDUAN PENUBUHAN
SYARIKAT *START-UP* DI
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

Pejabat Pendaftar

3 Januari 2025 | 3 Rejab 1446H

Disalinkan kepada:

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Penolong Naib Canselor (Strategik dan Kelestarian Global)

Pegawai-Pegawai Kanan

YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTEM100-1/3/1 JLD. 2 (80)

3 JANUARI 2025
3 REJAB 1446H

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 1/2025

DASAR DAN GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP* DI UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Pekeliling Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai keputusan Lembaga Pengarah Universiti Bilangan 9 Tahun 2024 yang telah bersidang pada 28 November 2024 telah bersetuju berkaitan Dasar dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Sejar dengan usaha Universiti sebagai pemangkin transformasi negara, program kerjasama dengan industri merupakan salah satu daripada penentu kepada bidang keberhasilan utama (KRA) yang perlu dicapai. Program ini dapat diperhebatkan lagi aktivitinya menerusi syarikat *Start-Up* yang seharusnya telah mempunyai asas teknologi dan jaringan industri yang kukuh.
- 2.2 Justeru itu, dalam usaha UTeM untuk mengetengahkan teknologi terbangun UTeM dan terus muncul sebagai sebuah universiti teknikal yang terkehadapan dalam bidang pengkomersilan, maka syarikat *Start-Up* adalah dilihat sebagai satu keperluan yang mampu bertindak sebagai pemangkin kepada proses pengkomersilan dua hala UTeM-Industri. Hasrat ini boleh direalisasikan dengan menubuhkan syarikat-syarikat *Start-Up* di UTeM dengan mengenal pasti kematangan tiga (3) elemen penting iaitu penyelidik, teknologi terbangun dan jaringan industri.

2.3 Untuk itu, demi merencanakan dan merealisasikan proses pengkomersilan teknologi berimpak tinggi, Pusat Kolaborasi RICE UTeM-Melaka (RICE) ingin mencadangkan agar proses penubuhan syarikat *Start-Up* dapat direalisasikan.

3.0 DASAR DAN GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP* UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

Dasar dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka adalah seperti di **Lampiran A**.

4.0 TARIKH KUAT KUASA

Dasar dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka ini berkuat kuasa mulai **1 Disember 2024**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menjalankan amanah,



MASDZARIF BIN MAHAT

Ketua Pegawai Operasi

Universiti Teknikal Malaysia Melaka



**DASAR DAN GARIS PANDUAN
PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP*
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA**

DASAR PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP* UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

1.0 TUJUAN

Dasar Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka ("Dasar") disediakan untuk rujukan kepada staf Universiti Teknikal Malaysia Melaka ("UTeM") dalam melaksanakan penubuhan syarikat *Start-Up*.

2.0 LATAR BELAKANG

2.1 Secara khususnya, Dasar ini mengurus dan mengendalikan aktiviti penubuhan dan pemantauan syarikat *Start-Up* tersebut dengan:

- (a) mengenal pasti pihak-pihak yang bertanggungjawab dalam melaksanakan dan menguatkuasakan Dasar ini;
- (b) mewujudkan prosedur cadangan dan membuat keputusan penubuhan dan pemantauan syarikat *Start-Up* yang cekap dan berkesan;
- (c) menetapkan hak dan obligasi pihak-pihak terlibat dalam aktiviti penubuhan dan pemantauan syarikat *Start-Up*;
- (d) memberi garis panduan dalam proses penubuhan dan pemantauan syarikat *Start-Up*; dan
- (e) menyediakan platform penyelesaian pertikaian yang berbangkit daripada pelaksanaan Dasar ini.

3.0 LAIN-LAIN

3.1 Dasar ini dibaca bersama dengan:-

- (a) Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka; dan
- (b) apa-apa dokumen pindaan/tambahan terhadap Dasar Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka; dan
- (c) apa-apa dokumen pindaan/tambahan terhadap Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

3.2 Dasar ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.

3.3 Dasar ini adalah tertakluk kepada dasar, pekeliling, surat pekeliling, kaedah, garis panduan, peraturan dan undang-undang yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

GARIS PANDUAN PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP*

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

BAHAGIAN 1

1.0 PENGENALAN

Syarikat *Start-Up* ialah sebuah syarikat pemula Universiti Teknikal Malaysia Melaka yang diberikan tempoh tidak lebih daripada tiga (3) tahun untuk beroperasi, mengikut jenisnya, sama ada Pemilikan Tunggal atau Perkongsian Liabiliti Terhad atau Syarikat Persendirian. Dalam tempoh tersebut, sekiranya UTeM berpendapat Syarikat *Start-Up* tersebut menunjukkan prestasi yang memberangsangkan, status Syarikat *Start-Up* boleh ditukar kepada Syarikat *Spin-Off* dan jika sebaliknya, status Syarikat *Start-Up* boleh ditamatkan atau ditarik balik oleh UTeM.

2.0 OBJEKTIF

Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Start-Up* ini adalah disediakan bagi memberi penjelasan kepada warga Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) mengenai tatacara penubuhan Syarikat *Start-Up*. Garis panduan ini disediakan untuk mencapai objektif seperti berikut :

- (a) Menyediakan panduan rujukan kepada warga UTeM terhadap proses penubuhan Syarikat *Start-Up*;
- (b) Memperkasakan aktiviti-aktiviti pra-pengkomersilan produk dan teknologi universiti sebelum dipermajukan ke Syarikat *Spin-Off* UTeM;
- (c) Menyediakan platform keusahawanan bagi staf dan pelajar UTeM mengkomersilkan produk dan teknologi universiti;
- (d) Menggalakkan dan menyokong penubuhan Syarikat *Start-Up* berasaskan produk dan teknologi yang dihasilkan di UTeM;
- (e) Menggalakkan aktiviti pengkomersilan produk dan teknologi melalui Syarikat *Start-Up*.

3.0 TAFSIRAN DAN INTERPRETASI

3.1 Tafsiran

Di dalam Garis Panduan ini, melainkan jika konteksnya mengkehendaki maksud yang lain perkataan-perkataan di bawah hendaklah mempunyai maksud yang berikut:

“RICE” ertinya Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE UTeM-Melaka;

“Fi Pelesenan” ertinya bayaran yang di bayar dengan jumlah yang tertentu yang telah dipersetujui mengikut perjanjian yang telah di meterai diantara pemberi lesen dan penerima lesen;

“Garis Panduan” ertinya Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Start-Up* Universiti Teknikal Malaysia Melaka;

“Hak” ertinya segala hak kuasa, keistimewaan dan kekebalan, sama ada yang sebenar, kontingen atau dijangka

“Harta intelek (IP)” ertinya apa-apa jenis harta intelek yang dilindungi di bawah undang-undang Malaysia termasuklah paten, cap dagangan, hakcipta, rekabentuk perindustrian, petunjuk geografi, rekabentuk susunatur litar bersepadu dan sebagainya yang mana ianya adalah hak UTeM;

“Inovasi” ertinya satu proses penghasilan idea, mereka cipta dan melaksana pembaharuan terhadap produk, perkhidmatan atau proses yang mendatangkan faedah;

"ePTTA" ertinya Penilaian Prestasi Tahunan Staf Akademik Secara Elektronik;

“JKTSPI” ertinya Jawatankuasa Tetap Senat Penyelidikan dan Inovasi

“JKU” ertinya Jawatankuasa Keusahawanan Universiti;

“JTK” ertinya Jawatankuasa Tetap Kewangan;

“LPU” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“ME” ertinya Mesyuarat Eksekutif;

“MoA” ertinya Memorandum of Agreement;

“NDA” ertinya Non-Disclosure Agreement;

“Pekongsi” ertinya mana-mana Staf atau Pelajar yang menjadi pekongsi di dalam PLT yang akan memasuki Perjanjian PLT apabila menubuhkan syarikat PLT;

“Pelajar” diberi maksud yang sama dengan tafsiran pelajar berdaftar di bawah seksyen 57 (14) Perlembagaan UTeM. Dalam konteks Garis Panduan ini pelajar berdaftar UTeM yang masih dalam pengajian yang terlibat dan menjalankan kajian penyelidikan sehingga terhasilnya harta intelek, teknologi atau produk yang ingin dikomersialkan;

“Pelesenan” ertinya satu kaedah di mana UTeM (pemberi lesen) membenarkan pihak lain (penerima lesen) untuk mengkomersialkan harta intelek tersebut;

“Pemberi lesen” ertinya sama ada UTeM atau syarikat milik penuh UTeM atau mana-mana syarikat yang diberikan kuasa oleh Universiti untuk memberi lesen mengkomersialkan harta intelek Universiti;

“Penerima lesen” ertinya pihak yang diberi hak untuk mengeksploitasi dan mengkomersilkan harta intelek yang dilesenkan;

“Pengkomersialan” dalam konteks Garis Panduan ini merujuk kepada aktiviti penjanaaan pendapatan bagi mendapatkan pulangan kewangan daripada Harta Intelek UTeM sama ada melalui penjualan, pemasaran, pelesenan atau apa-apa cara lain yang bersesuaian melalui penubuhan Syarikat *Start-Up*;

“Pemegang ekuiti” ertinya pemegang ekuiti dalam Syarikat Sdn. Bhd;

“Perjanjian PLT” ertinya Perjanjian Perkongsian Liabiliti Terhad yang hendaklah dimasuki oleh Pekongsi sebelum sesebuah PLT ditubuhkan sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012;

“Perlembagaan UTeM” ertinya Perlembagaan UTeM Universiti Teknikal Malaysia Melaka [P.U.(A) 470];

“LPU” ertinya Lembaga Pengarah Universiti;

“Platform” ertinya laluan atau peluang serta panduan;

“PLT” ertinya sebuah Perkongsian Liabiliti Terhad yang ditubuhkan di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 iaitu satu bentuk perniagaan alternatif yang menggabungkan ciri-ciri syarikat persendirian dan perkongsian konvensional dan bagi tujuan Garis Panduan ini adalah salah satu Syarikat *Start-Up* yang ditubuhkan bagi tempoh tidak lebih dari tiga (3) tahun;

“PTJ” ertinya pusat tanggungjawab di UTeM termasuk fakulti, pusat, akademi dan institut sepertimana yang dinamakan oleh UTeM;

“Produk” ertinya perkhidmatan atau barangan yang dikomersialkan melalui Syarikat *Start-Up*;

“Royalti” ertinya satu kadar bayaran yang hendaklah dibayar kepada UTeM oleh penerima lesen iaitu Syarikat *Start-Up* berdasarkan hasil jualan harta intelek, teknologi, atau produk yang dilesenkan;

“Sdn. Bhd” ertinya syarikat persendirian yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 2016 (dahulunya dikenali sebagai Akta Syarikat 1965) dan bagi tujuan Garis Panduan ini adalah salah satu Syarikat *Start-Up* yang ditubuhkan bagi tempoh tidak lebih dari tiga (3) tahun;

“Staf” diberi maksud yang sama dengan tafsiran pekerja universiti di bawah seksyen 2 Perlembagaan UTeM. Dalam konteks Garis Panduan ini, Staf termasuklah staf akademik dan/atau staf bukan akademik yang dilantik oleh UTeM yang menjalankan kajian penyelidikan sehingga terhasilnya harta intelek, teknologi atau produk yang ingin dikomersialkan;

“Syarikat *Spin-Off*” ertinya bagi tujuan Garis Panduan ini syarikat baharu atau syarikat yang terbentuk daripada aktiviti penyelidikan, pembangunan dan aktiviti pengkomersilan yang berjaya daripada Syarikat *Start-Up* yang mana pihak UTeM boleh atau tidak memiliki pegangan ekuiti di dalamnya melalui anak syarikatnya;

“Syarikat *Start-Up*” ertinya syarikat pemula yang ditubuhkan oleh Staf atau Pelajar UTeM bagi tempoh tidak lebih daripada tiga (3) tahun dengan tujuan untuk mengkomersilkan Harta Intelek, teknologi, atau produk hasil penyelidikan atau milikan Universiti sebagai platform sebelum ia menjadi Syarikat *Spin-Off* UTeM, sekiranya berjaya;

“TNCPI” ertinya Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UTeM;

“UTeM” ertinya Universiti Teknikal Malaysia Melaka; dan

“UHSB” ertinya UTeM Holdings Sdn. Bhd iaitu anak syarikat UTeM.

3.2 Interpretasi

- (a) Mana-mana perkataan dalam bentuk tunggal adalah termasuk juga yang majmuk dan sebaliknya.
- (b) Pada bila-bila masa Garis Panduan ini merujuk setiap hari dalam kalendar, apa-apa angka atau nombor tersebut hendaklah dirujuk kepada hari-hari dalam kalendar Gregorian.
- (c) Tajuk-tajuk dan tajuk-tajuk kecil dalam Garis Panduan ini dimasukkan bertujuan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak boleh dibuat pertimbangan dalam mentafsirkan Peraturan ini.
- (d) Lampiran-lampiran yang dirujuk di dalam Garis Panduan ini hendaklah diambil, dianggap, dibaca dan ditafsirkan sebagai bahagian yang penting kepada Garis Panduan ini.
- (e) Garis Panduan ini hendaklah diguna pakai oleh semua staf dan pelajar UTeM.

4.0 TUJUAN PENUBUHAN

- 4.1 Meningkatkan bidang fokus pengkomersilan di mana Syarikat *Start-Up* mampu untuk lebih fokus kepada bidang kepakarannya sama ada dari segi strategi, sasaran pelanggan mahupun perancangan operasi.
- 4.2 Memperkasakan aktiviti-aktiviti perundingan dan perkhidmatan dari syarikat *start-up* berdasarkan kepakaran penyelidik-penyelidik hasil daripada penyelidikan dan inovasi berkaitan harta intelek.
- 4.3 Membantu meningkatkan penjanaan pendapatan Universiti hasil daripada penyelidikan dan inovasi staf atau pelajar UTeM.
- 4.4 Memberi fleksibiliti kepada staf atau pelajar sebagai penyelidik untuk mencari penyelesaian unik bagi pengkomersilan harta intelek, teknologi atau produk yang dihasilkan.

- 4.5 Membantu meningkatkan bilangan usahawan di kalangan staf dan pelajar UTeM.
- 4.6 Meningkatkan kesedaran mengenai penjanaan pendapatan berasaskan hasil penyelidikan.
- 4.7 Memberi pendedahan mengenai keusahawanan, pengurusan dan pentadbiran perniagaan.
- 4.8 Meningkatkan keupayaan staf atau pelajar menceburi bidang teknologi yang berpandukan permintaan pasaran.
- 4.9 Mempelbagaikan sumber promosi dan pemasaran hasil penyelidikan dan inovasi Universiti.
- 4.10 Membantu staf dan pelajar meningkatkan promosi dan pemasaran hasil penyelidikan dan inovasi Universiti sebelum berkembang menjadi Syarikat *Spin-Off* UTeM.

5.0 **UNDANG-UNDANG, POLISI DAN DOKUMEN BERKAITAN**

Berikut adalah senarai dokumen-dokumen perundangan yang melibatkan akta/ peraturan/ garis panduan/ pekeliling yang boleh dirujuk untuk kegunaan pengurusan universiti dan perlu dibaca bersama Garis Panduan ini:

- (a) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- (b) Perlembagaan Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- (c) Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605)
- (d) Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 : Pemilikan dan Perisytiharan Harta oleh Pegawai Awam
- (e) Akta Syarikat 2016 [Akta 777]
- (f) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197)
- (g) Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 [Akta 743]

- (h) Pekeliling Pentadbiran Bilangan 50 Tahun 2020: Dasar dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Spin-Off*
- (i) Garis Panduan Harta Intelek dan Pengkomersialan UTeM 2017
- (j) Garis Panduan Pelaburan dan Pembiayaan oleh Universiti Awam 2024
- (k) Dasar dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat Spin-Off di Universiti Teknikal Malaysia Melaka 2020
- (l) Akta Hak Cipta 1987 [Akta 332]
- (m) Akta Paten 1983 [Akta 291]
- (n) Akta Cap Dagangan 1976 [Akta 175]
- (o) Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 [Akta 552]
- (p) Akta Pencegahan Rasuah Malaysia 2009

BAHAGIAN 2

6.0 PERINCIAN PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP*

6.1 BIDANG FOKUS SYARIKAT *START-UP*

6.1.1 Bidang fokus Syarikat *Start-Up* adalah seperti berikut:

- (a) Harta Intelek (IP)/Know How; dan
- (b) Perniagaan berteraskan penyelidikan; atau
- (c) Perniagaan berteraskan kepakaran penyelidik/pelajar melalui aktiviti perundingan dan perkhidmatan; atau
- (d) Bidang-bidang lain yang diperlukan oleh pihak Universiti.

6.1.2 Penubuhan Syarikat *Start-Up* adalah termasuk, tetapi tidak terhad kepada bidang Syarikat *Start-Up* seperti di perenggan 6.1.1 di atas tertakluk kepada kelulusan pihak UTeM.

6.1.3 Penyertaan daripada pihak luar dari universiti atau industri di dalam Syarikat *Start-Up* sebagai pemilik bersama atau pengurusan syarikat adalah dibenarkan.

6.2 PEWUJUDAN JENIS SYARIKAT *START-UP*

Jenis-jenis Syarikat *Start-Up* yang boleh diwujudkan oleh staf atau pelajar adalah seperti berikut:-

- (a) Pemilikan Tunggal (Enterprise); dan
- (b) Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT)
- (c) Syarikat Persendirian ("Sdn. Bhd").

6.3 JENIS-JENIS BENTUK PERNIAGAAN YANG TIDAK DIBENARKAN

6.3.1 Hanya syarikat yang ditubuhkan dalam bentuk Pemilikan Tunggal atau PLT atau syarikat Sdn. Bhd. sahaja yang dibenarkan sebagai Syarikat *Start-Up*.

6.3.2 Apa-apa bentuk atau jenis perniagaan atau syarikat selain daripada dinyatakan dalam perenggan 6.2 hendaklah mendapatkan kelulusan dan pertimbangan khas daripada pihak UTeM.


**Rujukan berkenaan jenis syarikat dan perbandingan boleh dirujuk terus kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).*

6.3.3 Syarikat-syarikat yang ditubuhkan sebagai anak syarikat induk UTeM tidak termasuk sebagai Syarikat *Start-Up*.

6.3.4 Syarikat-syarikat yang ditubuhkan tidak dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti yang melanggar hukum syarak (syariah), yang tidak bermoral dan menyalahi apa-apa peraturan dan undang-undang.


6.3.5 Jika staf atau pelajar sudah memiliki syarikat persendirian sebelum membuat permohonan penubuhan Syarikat *Start-Up* dan ingin menggunakan syarikat tersebut sebagai Syarikat *Start-Up* UTeM, staf atau pelajar boleh mengisytiharkan dengan pihak UTeM terlebih dahulu syarikat tersebut sebelum mendapatkan kelulusan penubuhan Syarikat *Start-Up* UTeM.

Carta 1: Model Perniagaan Syarikat *Start-Up* UTeM



* Boleh ke Syarikat Spin-Off (Sdn Bhd) jika perancangan perniagaan bagi Syarikat Start-Up melebihi hasil jualan tertentu, berpontensi tinggi dan mendapat pelaburan luar dari syarikat atau individu luar

Carta 2: Ekosistem Syarikat *Start-Up* UTeM



6.4 MODEL PERNIAGAAN SYARIKAT *START-UP*

6.4.1 Model penubuhan Syarikat *Start-Up* bermula sebagai Pemilikan Tunggal atau Perkongsian Liabiliti Terhad (PLT) atau Sendirian Berhad (Sdn. Bhd). Model perniagaan Syarikat *Start-Up* UTeM boleh dirujuk pada Carta 1 Garis Panduan.

6.4.2 Dalam keadaan Syarikat *Start-Up* berkembang maju memberangsangkan berdasarkan:

- (a) Tempoh Syarikat *Start-Up* telah mencapai maksima tiga (3) tahun; atau
- (b) Hasil pendapatan kasar Syarikat *Start-Up* telah melebihi RM 500,000.00 setahun; atau
- (c) Pihak UHSB berminat dengan tawaran oleh Syarikat *Start-Up*.

Maka ia boleh menjadi Syarikat *Spin-Off* UTeM melalui anak syarikat UTeM mengikut kaedah sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling Pentadbiran Bilangan 50 Tahun 2020: Dasar dan Garis Panduan Penubuhan Syarikat *Spin-Off* UTeM 2020. Ekosistem Syarikat *Start-Up* UTeM boleh dirujuk pada Carta 2 Garis Panduan.

6.4.3 Tertakluk kepada kelulusan pihak UTeM, Staf atau pelajar boleh untuk terus menubuhkan Syarikat *Spin-Off* (Sdn Bhd) tanpa bermula dengan Syarikat *Start-Up* Pemilikan Tunggal atau PLT atau Sdn. Bhd. jika perancangan perniagaan bagi Syarikat *Start-Up* melebihi hasil jualan tertentu, berpotensi tinggi dan mendapat pelaburan luar dari syarikat atau individu luar tetapi majoriti ekuiti di dalam syarikat masih lagi dipegang oleh staf atau pelajar UTeM. **(Rujuk Lampiran 3: Carta Alir Penubuhan Syarikat *Start-Up*)**

6.5 SYARAT-SYARAT PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP*

6.5.1 Syarat Umum Bagi Staf UTeM

- (a) Semua staf yang berjawatan tetap layak memohon untuk menubuhkan Syarikat *Start-Up*;
- (b) Staf mestilah warganegara Malaysia;
- (c) Staf hendaklah bebas daripada tindakan tatatertib universiti;
- (d) Staf mestilah mendapatkan persetujuan bertulis daripada Ketua Jabatan (Naib Canselor) untuk menubuhkan Syarikat *Start-Up*;
- (e) Syarikat *Start-Up* ditubuhkan berdasarkan harta intelek yang terhasil daripada aktiviti *R&D* Staf dan Pelajar;
- (f) Setiap output penyelidikan yang ingin dikomersialkan wajib didaftarkan hakmilik harta intelektual sebagai HAKMILIK UTeM;
- (g) Sekurang-kurangnya seorang daripada pengasas Syarikat *Start-Up* mestilah terdiri daripada kalangan staf akademik atau penyelidik UTeM atau Pelajar dan terlibat dalam penghasilan harta intelek, teknologi atau produk yang ingin dikomersilkan;
- (h) Syarikat *Start-Up* yang ditubuhkan mestilah tidak menjadi pesaing kepada subsidiari UTeM atau Syarikat *Start-Up* yang lain;
- (i) Usaha perniagaan mestilah dalam skop kepakaran teknikal pemohon;
- (j) Syarikat *Start-Up* boleh menawarkan pihak luar sebagai pekongsi modal di dalam PLT;
- (k) Penyertaan daripada individu luar seperti industri, universiti atau agensi lain sebagai pekongsi adalah dibenarkan dan terhad kepada dua (2) orang sahaja;
- (l) UTeM tidak perlu melaburkan sebarang modal bagi Syarikat *Start-Up*;

- (m) Penjanaan pendapatan adalah melalui yuran pengurusan dan royalti daripada pengkomersilan harta intelek dan hasil jualan teknologi atau produk;
- (n) Staf hendaklah menjadi salah seorang pekongsi modal syarikat; dan
- (o) Sebarang permohonan dan pemakluman sehingga lulus dan tertubuhnya *Syarikat Start-Up* termasuklah pembubaran sesebuah *Syarikat Start-Up* hendaklah melalui pihak pengurusan RICE, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi).

6.5.2 **Syarat Umum bagi pelajar UTeM;**

- (a) Pelajar Prasiswazah UTeM:
 - i. Pelajar prasiswazah yang berada di tahun kedua pengajian dan ke atas (semester 3 dan ke atas) sahaja dibenarkan.
 - ii. CGPA sekurang-kurangnya 2.50 ke atas.
 - iii. Warganegara Malaysia.
 - iv. Pemohon tidak melibatkan diri dengan perolehan, kemudahan atau harta benda UTeM atau aset UTeM atau premis UTeM kecuali yang disediakan oleh Pusat Inkubasi Syarikat UTeM.
 - v. Tidak wujud percanggahan kepentingan antara pemohon dengan UTeM.
- (b) Pelajar Pascasiswazah UTeM:
 - i. Pelajar pascasiswazah pada tahun pertama (semester 1) dibenarkan.
 - ii. PNGK sekurang-kurangnya 3.00 ke atas bagi Universiti Awam Malaysia/ Pusat Pengajian Swasta/ Pusat Pengajian Luar Negara.
 - iii. PNGK sekurang-kurangnya 2.75 ke bawah bagi Universiti Awam/ Pusat Pengajian Swasta/ Pusat

- Pengajian Luar Negara dengan pengalaman bekerja sekurang – kurangnya 2 tahun.
- iv. PNGK sekurang-kurangnya 2.75 ke bawah bagi Universiti Awam / Pusat Pengajian Swasta / Pusat Pengajian Luar Negara tanpa pengalaman bekerja perlu mendapatkan surat sokongan Dekan/Pengarah RICE.
 - v. Warganegara Malaysia.
 - vi. Pemohon tidak melibatkan diri dengan perolehan, kemudahan atau harta benda UTeM atau aset UTeM atau premis UTeM kecuali yang disediakan oleh Pusat Inkubasi Syarikat UTeM.
 - vii. Tidak wujud percanggahan kepentingan antara pemohon dengan UTeM

6.6 SUMBANGAN MODAL ATAU PEGANGAN EKUITI DALAM SYARIKAT *START-UP*

6.6.1 Bagi PLT, jumlah sumbangan modal bagi PLT oleh Staf atau Pelajar adalah berdasarkan kepada perbincangan dan persetujuan antara Pekongsi yang ditetapkan atau dipersetujui secara bersama oleh Pekongsi di dalam Perjanjian PLT.

6.6.2 Manakala bagi syarikat Sdn. Bhd., jumlah pegangan ekuiti bagi Syarikat Sdn. Bhd. oleh Staf atau Pelajar adalah berdasarkan kepada perbincangan di antara pemegang ekuiti melalui Perjanjian Pemegang Saham yang hendaklah diluluskan di Mesyuarat JKTSPI.

6.6.3 Faktor berikut akan dipertimbangkan dalam struktur modal di dalam PLT:

- (a) Nilai harta intelek;
- (b) Kekuatan harta intelek;
- (c) Tempoh perkhidmatan staf di UTeM;

- (d) Tahap potensi perniagaan yang terhasil daripada harta intelek dan pengetahuan serta inovasi;
- (e) Tahap penglibatan staf atau pelajar UTeM di dalam Syarikat *Start-Up*; dan
- (f) Tahap penglibatan industri/pihak luar (sekiranya berkaitan)
- (g) Pentafsiran pihak luar.

6.6.4 Setiap Pekongsi atau Pemegang Ekuiti (*shareholder*) hendaklah menandatangani Perjanjian PLT atau Perjanjian Pemegang Saham sebelum sesebuah Syarikat *Start-Up* ditubuhkan. Perjanjian PLT atau Perjanjian Pemegang Saham mestilah termasuk tetapi tidak terhad kepada yang berikut: -

- (a) Peranan dan tanggungjawab setiap Pekongsi Modal atau Pemegang Saham;
- (b) Keadaan sumbangan modal atau saham ekuiti; dan
- (c) Peratusan pengagihan pendapatan.

Fasal anti-pencairan ke atas saham boleh digunakan secara kes demi kes.

6.6.5 Sekiranya Harta Intelek direkacipta oleh lebih dari seorang staf atau pelajar, pembahagian pendapatan akan dibahagi berdasarkan persetujuan bersama di kalangan staf atau pelajar dan persetujuan tersebut hendaklah dimaklumkan kepada RICE menerusi borang permohonan sebelum cadangan penubuhan Syarikat *Start-Up* dipanjangkan kepada ME.

6.6.6 Modal atau ekuiti di dalam Syarikat *Start-Up* adalah berdasarkan kepada kes dari semasa ke semasa. Staf atau pelajar perlu mempertimbangkan kesan cukai (jika ada) sebelum memiliki modal atau ekuiti. Maklumat terperinci berkaitan terma dan syarat berkaitan modal atau ekuiti akan dinyatakan di dalam

Perjanjian PLT atau Perjanjian Pemegang Saham, mengikut mana yang berkenaan.

6.6.7 UTeM boleh menawarkan geran boleh ubah kepada Syarikat *Start-Up*.

6.6.8 Penyertaan pihak luar ke dalam Syarikat *Start-Up* sama ada daripada individu, Syarikat atau agensi lain adalah dibenarkan tetapi tertakluk kepada rundingan dan persetujuan UTeM dan pihak luar tersebut.

6.6.9 Setiap perkara berkenaan pembahagian modal atau ekuiti bagi setiap ahli terutamanya yang melibatkan pihak luar perlu dinyatakan dengan jelas semasa permohonan dibuat.

6.7 SOKONGAN KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) SERTA KEBENARAN KHAS BAGI PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN SYARIKAT *START-UP*

6.7.1 Permohonan untuk menubuhkan Syarikat *Start-Up* di kalangan staf UTeM hendaklah mendapat sokongan dan kebenaran daripada Ketua PTJ. Ini adalah bagi memastikan pihak pengurusan PTJ dapat menyusun jadual waktu pengajaran yang bersesuaian dan memudahkan staf akademik yang menubuhkan Syarikat *Start-Up* menyampaikan pengajaran dan pembelajaran dengan baik.

6.7.2 Permohonan daripada Pelajar untuk menjalankan aktiviti di dalam syarikat *Start-Up* hendaklah mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua PTJ dan JKU.

6.7.3 Staf dan Pelajar UTeM yang terlibat dalam Syarikat *Start-Up* perlu menguruskan masa dengan bijaksana dalam menguruskan aktiviti pengkomersilan melalui Syarikat *Start-Up*

di samping melaksanakan tugas utama sebagai staf di UTeM dan tanggungjawab Pelajar sebagai pelajar sepenuh masa di UTeM. Kebenaran untuk menubuhkan dan menjalankan Syarikat *Start-Up* tidak melepaskan tanggungjawab staf dan/atau Pelajar tersebut terhadap tugas dan tanggungjawab hakiki.

6.7.4 Staf hendaklah sentiasa memastikan keberadaan di UTeM dan bertanggungjawab melaporkan pergerakan kepada Ketua PTJ atau *Immediate Superior* kecuali mendapat kebenaran daripada Ketua PTJ untuk pelepasan daripada melaksanakan tugas hakiki bagi menjalankan aktiviti pengkomersilan Syarikat *Start-Up*.

6.7.5 Pelajar juga hendaklah memastikan kehadirannya di setiap kelasnya tanpa gagal melainkan telah mendapat kebenaran Ketua PTJ untuk mengecualikan dirinya mengadiri kelas kerana penglibatannya di dalam aktiviti Syarikat *Start-Up*.

6.8 PELEPASAN DARIPADA MELAKSANAKAN TUGAS HAKIKI DAN KEBENARAN KHAS BAGI PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN SYARIKAT *START-UP*

6.8.1 Staf UTeM yang terlibat dengan syarikat *Start-Up* hendaklah diberikan kebenaran terlebih dahulu melalui Ketua PTJ untuk menjalankan aktiviti pengkomersialan di Syarikat *Start-Up* yang ditubuhkan tanpa mengganggu tugas-tugas hakiki. Segala kos adalah di bawah tanggungan Syarikat *Start-Up* masing-masing.

6.8.2 Bagi tujuan menjalankan aktiviti pengkomersialan di dalam Syarikat *Start-Up*, tertakluk kepada kebenaran Ketua PTJ dan pentadbiran UTeM, Staf boleh membuat permohonan untuk pelepasan daripada melaksanakan tugas hakiki bagi tujuan

menjalankan aktiviti Pengkomersilan untuk Syarikat *Start-Up* untuk tempoh masa seperti yang diluluskan oleh UTeM.

6.8.3 Penglibatan staf di dalam aktiviti Syarikat *Start-Up* hanya boleh dilaksanakan sekiranya Staf melaksanakan perkara-perkara berikut:

- (a) Mendapat kelulusan untuk menjalankan perkerjaan luar melalui Surat kebenaran menjalankan pekerjaan luar oleh Naib Canselor dan aktiviti luar mengikut Peraturan 4 Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605);
- (b) Surat kebenaran Naib Canselor untuk memegang modal/saham/ekuiti di dalam Syarikat *Start-Up*;
- (c) Mengisytiharkan pekongsian modal/ekuiti kepada Jawatankuasa Tatatertib mengikut Peraturan 9 Jadual Kedua Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 200 (Akta 605); dan
- (d) Surat Perakuan Indemniti dan Tanggung Rugi yang melindungi UTeM dari risiko dan liabiliti.

6.8.4 Kegagalan Staf mendapatkan kelulusan pekerjaan luar dan mengisytiharkan harta boleh menyebabkan tindakan tatatertib di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605) diambil terhadapnya.

6.8.5 Staf adalah bertanggungjawab mengisi laporan prestasi tahunan dalam talian ePPTA staf berdasarkan kriteria yang telah ditetapkan oleh UTeM.

6.9 PEMETERAIAN KONTRAK PERJANJIAN ANTARA SYARIKAT *START-UP* DAN UTeM

6.9.1 Bagi tujuan pengkomersialan Harta Intelek UTeM, Syarikat *Start-Up* UTeM hendaklah memeterai kontrak Perjanjian

Pelesenan Harta Intelekt UTeM, atau perjanjian lain yang bersesuaian; dengan UTeM yang mana prosesnya akan dilaksanakan melalui RICE.

6.9.2 Perjanjian Pelesenan Harta Intelekt UTeM merupakan syarat utama dalam penubuhan Syarikat *Start-Up* UTeM. Tempoh pelesenan bergantung pada perbincangan di antara UTeM dan Syarikat *Start-Up* dengan tempoh maksimum perjanjian tidak lebih daripada tiga (3) tahun.

6.9.3 Setiap Perjanjian Pelesenan Harta Intelekt UTeM yang dimasuki diantara Syarikat *Start-Up* dengan UTeM bagi pengkomersialan Harta Intelekt UTeM, sejumlah Yuran Pengurusan hendaklah dibayar oleh Syarikat *Start-Up* kepada UTeM pada kadar 20% daripada pendapatan kasar tahunan syarikat . Syarikat *Start-Up* hendaklah menjelaskan pembayaran bagi tuntutan Yuran Pengurusan kepada UTeM mengikut terma dan syarat di dalam Perjanjian Perlesenan Harta Intelekt. Syarat-syarat perlesenan Harta Intelekt atau teknologi adalah seperti berikut :

Perjanjian Perlesenan	Syarikat <i>Start-Up</i>		
	Pemilikan Tunggal	PLT	Sdn. Bhd
Yuran Perlesenan	Yuran perlesenan dikecualikan		
Yuran Pengurusan	Yuran pengurusan sebanyak 20% setahun dari pendapatan kasar tahunan syarikat		
Royalti	Royalti hasil jualan kasar sebanyak 3% - 5% setahun dari tahun pertama penubuhan syarikat sehingga tahun ketiga		

Jadual 1 : Penetapan Kadar Yuran Perlesenan, Yuran Pengurusan dan Royalti

6.9.4 Perjanjian Pelesenan Harta Intelekt UTeM juga melibatkan Royalti hasil jualan kepada UTeM. Bayaran Royalti dinilai daripada hasil jualan kasar tahunan syarikat dan tidak terhad kepada pendapatan harta intelek yang didagangkan. Nilai ditetapkan merujuk kepada potensi nilai pasaran produk berpandukan pelan perniagaan yang dipersetujui UTeM seperti berikut:

Jumlah Hasil Jualan Kasar Tahunan	Nilai Royalti (%)
Bawah RM 250,000.00	3%
RM 250,000.00 hingga RM 499,999.99	4%
RM 500,000.00 dan ke atas	5%

Jadual 2 : Penetapan Nilai Royalti

6.9.5 Perjanjian perlesenan dan royalti boleh melibatkan sekurang-kurangnya satu (1) sehingga terhad maksima tiga (3) harta intelek atau teknologi melalui perjanjian perlesenan yang berlainan bagi menilai potensi pengkomersilan harta intelek atau teknologi semasa pengoperasian Syarikat *Start-Up*.

6.9.6 Bagi menuntut bayaran Yuran Pengurusan dan Royalti, UTeM boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap Syarikat *Start-Up* jika berlaku kegagalan melunaskan tuntutan Yuran Pengurusan dan Royalti atau menamatkan Perjanjian Pelesenan Harta Intelekt UTeM dan seterusnya membuat tuntutan bayaran daripada Syarikat *Start-Up* , mengikut mana yang munasabah.

6.10 PELAPORAN KEMAJUAN SYARIKAT *START-UP*

6.10.1 Pihak Syarikat *Start-Up* hendaklah membuat pelaporan mengenai aktiviti, prestasi, kewangan dan lain-lain kepada

RICE. Berikut adalah perkara yang perlu dilaksanakan oleh Syarikat *Start-Up* dalam membuat pelaporan:

- (a) Setiap Syarikat *Start-Up* diwajibkan bagi menetapkan tempoh kewangan perakaunan berakhir adalah pada 31 Disember setiap tahun. Ini bagi memudahkan urusan pemantauan prestasi dan kemajuan Syarikat *Start-Up* yang dibuat oleh RICE setiap tahun.
- (b) Setiap Syarikat *Start-Up* perlu menyediakan satu set akaun penuh yang meliputi rekod-rekod kewangan tahunan beraudit yang tersusun, kemas dan penuh. Laporan kewangan tahunan beraudit ini perlu dikemukakan kepada RICE selewat-lewatnya pada bulan Jun setiap tahun.
- (c) Syarikat *Start-Up* juga perlu mengemukakan laporan jualan tahunan kepada RICE bagi tujuan caj Royalti dan pemantauan.
- (d) Syarikat *Start-Up* juga perlu mengemukakan laporan tahunan prestasi tugas hakiki staf atau pelajar UTeM yang terlibat secara separuh masa kepada RICE bagi tujuan pemantauan.

6.11 BILANGAN MAKSIMUM PEMILIKAN SYARIKAT *START-UP*

6.11.1 Seseorang Staf atau pelajar UTeM hanya dibenarkan terlibat dalam atau menubuhkan tidak lebih daripada tiga (3) Syarikat *Start-Up* sahaja pada sesuatu masa.

6.11.2 Mana-mana Staf atau Pelajar UTeM yang berhasrat untuk menubuhkan Syarikat *Start-Up* yang kedua dan seterusnya, permohonan khas bagi penubuhan syarikat kedua dan seterusnya perlu dimajukan kepada Pihak Pengurusan Universiti melalui RICE bagi tujuan –

- (a) Memiliki lebih daripada dua (2) Syarikat *Start-Up* dan menjawat jawatan sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (Chief Executive Officer) atau Pengarah; dan
- (b) Pengisytiharan pemilikan sebarang amaun modal syarikat bagi Syarikat *Start-Up* kedua dan seterusnya.

6.11.3 Staf bertanggungjawab untuk melaksanakan perkara-perkara sepertimana yang ditetapkan pada perenggan 6.8.2 di atas.

6.12 LEMBAGA PENGARAH DI DALAM SYARIKAT *START-UP*

6.12.1 Staf atau pelajar UTeM dibenarkan mengambil peranan dalam pengurusan utama di Syarikat *Start-Up* walau bagaimanapun Staf tidak digalakkan memegang jawatan Pengarah dalam Syarikat *Start-Up* bagi mengelakkan staf UTeM daripada terdedah kepada risiko konflik kepentingan dan pengurusan masa yang boleh menjejaskan prestasi syarikat dan tugas hakiki sebagai staf.

6.12.2 Staf UTeM yang menjadi Pengarah adalah tertakluk kepada Dasar Kerajaan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993: Bayaran (Fees), Elaun-Elaun Dan Pampasan Yang Boleh Disimpan Oleh Pegawai-Pegawai Kerajaan Yang Dilantik Menjadi Pengerusi /Ahli-Ahli Lembaga Pengarah Badan-Badan Berkanun/Kuasa-Kuasa Tempatan/Badan-Badan Perniagaan Yang Kerajaan Mempunyai Kepentingan.

6.13 PENGLIBATAN STAF DI DALAM SYARIKAT *START-UP*

6.13.1 Untuk memastikan Syarikat *Start-Up* dapat dilaksanakan dengan jayanya, Staf atau Pelajar perlu mematuhi syarat yang dinyatakan di bawah:

- (a) Tidak menarik diri daripada penglibatan dalam Syarikat *Start-Up* dalam tempoh masa tidak kurang dari dua (2) tahun;
- (b) Tidak menjalankan aktiviti yang menjadi persaingan terhadap perundingan dan penyelidikan yang UTeM tawarkan kepada mana-mana pihak awam dan badan swasta;
- (c) Menjaga nama baik, reputasi dan kepentingan Universiti serta memberikan maklumat yang tepat kepada pihak Universiti terhadap aktiviti dan pengurusan Syarikat *Start-Up*;
- (d) Mana-mana staf atau pelajar yang ingin menubuhkan Syarikat *Start-Up* hendaklah mendapat persetujuan oleh Naib Canselor secara bertulis, untuk menjalankan aktiviti perniagaan melalui Syarikat *Start-Up*;
- (e) Staf UTeM yang mempunyai penglibatan 100% di dalam pengurusan eksekutif Syarikat *Start-Up* boleh mengambil cuti tanpa gaji tertakluk kepada kelulusan UTeM, dan gaji sepenuhnya akan dibayar oleh Syarikat *Start-Up*. Bagi staf UTeM yang mempunyai sumbangan modal tetapi penglibatan separuh masa di dalam pengurusan eksekutif Syarikat *Start-Up* Staf dibayar gaji sepenuhnya oleh Universiti dan staf perlu melaksanakan tanggungjawab tugas hakiki universiti; dan
- (f) Tanggungjawab Syarikat *Start-Up* dan Universiti akan dinyatakan di dalam Perjanjian Perlesenan Harta Intelek dengan penglibatan Pejabat Penasihat Undang-Undang UTeM dan RICE.

6.14 TEMPOH PENGIKTIRAFAN STATUS SYARIKAT *START-UP*

6.14.1 Tempoh pengiktirafan status bagi sesebuah Syarikat *Start-Up* tertakluk kepada tempoh maksimum selama tiga (3) tahun atau tempoh lanjutan yang diluluskan oleh UTeM.

6.14.2 Sekiranya Syarikat *Start-Up* gagal menunjukkan prestasi yang memberangsangkan di dalam tempoh tiga (3) tahun, pihak RICE akan menilai semula potensi kebolehjayannya dan berkuasa untuk mengarahkan penutupan Syarikat *Start-Up* yang berkenaan tertakluk kepada kelulusan ME.

6.14.3 Kegagalan Staf untuk menutup Syarikat *Start-Up* boleh dianggap sebagai 'ingkar arahan' dan UTeM boleh mengambil tindakan tatatertib terhadap Staf yang ingkar di bawah Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 (Akta 605).

6.15 PELUCUTAN DAN PENARIKAN KEBENARAN SYARIKAT *START-UP*

6.15.1 UTeM, melalui kelulusan ME mempunyai kuasa untuk melucutkan hak dan status sesuatu Syarikat *Start-Up* UTeM dalam keadaan termasuk tetapi tidak terhad kepada seperti berikut:

- (a) Perjanjian Perlesenan Harta Intelekt telah tamat tempoh dan tiada tindakan untuk menyambung tempoh pelesenan atau memasuki perjanjian yang baharu; atau
- (b) Syarikat *Start-Up* tidak memberi sebarang sumbangan kewangan kepada UTeM dan telah beroperasi dalam keadaan kerugian yang melampau selama tiga (3) tahun berturut-turut atau kurang dari tempoh tersebut; atau
- (c) Syarikat *Start-Up* melanggar mana-mana terma dan syarat di dalam Perjanjian Perlesenan Harta Intelekt; atau
- (d) Syarikat *Start-Up* menyalahgunakan status yang membolehkan reputasi UTeM terjejas; atau
- (e) Syarikat *Start-Up* melaksanakan aktiviti di luar bidang kepakaran; atau

- (f) Syarikat *Start-Up* telah menjalankan aktiviti yang tidak selari dengan penubuhan syarikat *Start-Up* tersebut iaitu untuk mengkomersilkan harta intelek UTeM sahaja serta tidak mendapat kebenaran Pihak Pengurusan Universiti untuk menjalankan aktiviti selain mengkomersilkan produk harta intelek UTeM; atau
- (g) Staf atau pelajar tidak mematuhi undang-undang dan peraturan yang termaktub di bawah mana-mana undang-undang bertulis termasuk dasar dan peraturan UTeM; atau
- (h) Staf yang telah bersara atau meletak jawatan dan tidak lagi berkhidmat dengan UTeM; atau
- (i) Pelajar berhenti dari pengajian; atau
- (j) Staf atau Pelajar meninggal dunia; atau
- (k) Staf atau pelajar dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak UTeM; atau
- (l) *Start-Up* telah ditutup secara sukarela atau digulungkan melalui perintah mahkamah.

6.15.2 Tindakan oleh staf atau pelajar UTeM di atas Penarikan Status Syarikat *Start-Up*:

- (a) Staf atau Pelajar berkenaan, yang dalam perkhidmatan UTeM dan terlibat dalam Syarikat *Start-Up*, dikehendaki melepaskan semua sumbangan modal atau ekuiti yang dipegang di dalam Syarikat *Start-Up* tersebut; dan
- (b) Staf atau pelajar menutup Syarikat *Start-Up* tersebut. Walau bagaimanapun syarikat boleh dipindah milik kepada pihak luar dengan syarat tidak melibatkan produk dan nama UTeM dalam operasi syarikat tersebut.

6.16 KOS PENDAFTARAN PENUBUHAN DAN KOS PENGURUSAN STATUTORI SYARIKAT *START-UP*

- 6.16.1 Segala kos dan pengurusan berkaitan penubuhan Syarikat *Start-Up* adalah di bawah tanggungjawab staf atau pelajar atau pekongsi modal atau pemegang syer terbesar dalam Syarikat *Start-Up*.
- 6.16.2 UTeM tidak menyediakan sebarang peruntukan khas bagi urusan pendaftaran penubuhan Syarikat *Start-Up*. UTeM tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kos yang terlibat. UTeM juga tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kerugian atau liabiliti Syarikat *Start-Up*.
- 6.16.3 Syarikat *Start-Up* juga perlu bertanggungjawab sepenuhnya bagi memenuhi keperluan pengurusan statutori syarikat seperti yang termaktub dalam Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (Akta 743) dan Akta Syarikat 2016 (Akta 777), termasuklah juga apa-apa Undang-undang Malaysia yang berkaitan yang masih berkuat kuasa.
- 6.16.4 Kos ini adalah termasuk kos pengurusan operasi Syarikat *Start-Up* iaitu tanggungjawab Syarikat *Start-Up* untuk mengemukakan kepada RICE:-
- (a) Penyata Tahunan Syarikat (Annual Return) - yang WAJIB diuruskan oleh setiausaha syarikat berdaftar jika Sdn. Bhd;
 - (b) Laporan Penyata Kewangan Tahunan (Annual Report) - yang WAJIB disediakan oleh juruaudit luar berdaftar jika Sdn Bhd; dan
 - (c) Penyata Cukai Tahunan Syarikat (Income Tax Return) - yang diuruskan oleh Agen Percukaian (tertakluk kepada justifikasi syarikat *start-up* samaada memilih

untuk tidak menguruskan urusan pematuhan percukaianya sendiri)

6.17 PENGGUNAAN NAMA, LOGO DAN ALAMAT UTeM

6.17.1 Syarikat *Start-Up* dibenarkan untuk menggunakan logo UTeM dengan mematuhi peraturan dan panduan yang telah dikeluarkan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.

6.17.2 Penggunaan nama UTeM dan alamat UTeM sebagai alamat operasi syarikat adalah dibenarkan menerusi alamat *Pusat Inkubasi*.

6.17.3 Segala liabiliti yang timbul akibat daripada aktiviti pengkomersilan termasuk tidak terhad kepada pengilangan, penggunaan oleh pengguna dan lain-lain adalah menjadi tanggungjawab Syarikat *Start-Up* sepenuhnya.

6.18 AGIHAN PENDAPATAN KEPADA UNIVERSITI

6.18.1 Penjanaaan pendapatan kepada UTeM dan kepada staf atau pelajar daripada Syarikat *Start-Up* diperolehi melalui perkara berikut :

- (a) bayaran Royalti iaitu jumlah yang dinilai daripada hasil jualan kasar tahunan syarikat dan tidak terhad kepada pendapatan harta intelek yang didagangkan. Nilai ditetapkan merujuk kepada potensi nilai pasaran produk berpandukan pelan perniagaan yang dipersetujui UTeM, bermula daripada 3% hingga 5% seperti di Jadual 2: Penetapan Nilai Royalti di perenggan 6.9.4 di atas;
- (b) penyerahan hak iaitu memindah milik secara penuh dan mutlak ke atas sesuatu harta intelek; dan
- (c) kaedah-kaedah lain yang dipersetujui bersama.

6.18.2 Penjanaan pendapatan hanya kepada UTeM daripada Syarikat *Start-Up* diperolehi melalui bayaran yuran pengurusan sebanyak 20% daripada pendapatan kasar Syarikat *Start-Up*.

6.18.3 Hasil yang terjana pada perenggan 6.18.1 daripada Syarikat *Start-Up* akan diagihkan kepada staf atau pelajar dan Universiti mengikut pecahan berikut tertakluk kepada persetujuan dan kelulusan UTeM :

Jumlah Hasil	Penyelidik	UTeM
Bawah RM250,000.00	20%	80%
RM250,000.00 hingga RM499,999.99	30%	70%
RM500,000.00 hingga RM999,999.99	40%	60%
RM1,000,000.00 dan ke atas	50%	50%

Jadual 3 : Peratus Agihan Pendapatan Pengkomersilan R&D
UTeM bagi Syarikat *Start-Up*

BAHAGIAN 3

7.0 PROSEDUR PERMOHONAN PENUBUHAN SYARIKAT *START-UP*

7.1 Prosedur Permohonan Penubuhan Syarikat *Start-Up*

7.1.1 Dokumen Permohonan

Pemohon dikehendaki mengemukakan borang permohonan kepada RICE dengan mengisi Borang Permohonan Penubuhan Syarikat *Start-Up* (UTeM/RICE/START-UP.001) melalui Ketua Pusat Tanggungjawab. (Rujuk **Lampiran 1**)

7.1.2 Menyediakan Rancangan Perniagaan (*Business Plan*) Syarikat *Start-Up*

- (a) Cadangan penubuhan Syarikat *Start-Up* perlu diiringi dengan cadangan teknologi serta rancangan perniagaan untuk tempoh sehingga tiga (3) tahun yang mengandungi anggaran pendapatan dan pemasaran produk atau teknologi serta unjuran kewangan yang mengandungi anggaran pendapatan, anggaran perbelanjaan, jangkaan untung rugi (*profit and loss*), aliran tunai (*cash flow*), *balance sheet* dan *summary sheet for grant drawdown* bagi tempoh minimum dua (2) tahun ke hadapan. Penyediaan Rancangan Perniagaan hendaklah disediakan oleh staf sendiri dan segala kos penyediaan (jika ada) ditanggung oleh staf atau pelajar.

7.1.3 Proses Penilaian

- (a) Permohonan yang lengkap dan menepati syarat, perlu dibentangkan di Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Syarikat *Start-Up* bagi penilaian awal mengenai permohonan penubuhan Syarikat *Start-Up*.

- (b) Pihak RICE dan pemohon Syarikat *Start-Up* dan pihak berkepentingan (jika berkenaan) akan membuat perbincangan mengenai pemindahan teknologi dan draf perjanjian akan disediakan oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang.
- (c) Permohonan Staf atau Pelajar bagi penubuhan Syarikat *Start-Up* UTeM boleh dicadangkan ke arah penubuhan Syarikat *Spin-Off* UTeM jika penilaian perancangan perniagaan Syarikat *Start-Up* berpotensi melebihi hasil jualan dan anggaran pendapatan tertentu.

7.1.4 Mendapatkan Kelulusan Bagi Penubuhan Syarikat *Start-Up*

- (a) Pihak RICE selanjutnya akan mengangkat permohonan penubuhan Syarikat *Start-Up* dan pemindahan teknologi bagi kelulusan **ME** setelah keputusan keterlibatan pihak berkepentingan di dalam Syarikat *Start-Up* serta draf dokumen perjanjian dimuktamadkan.
- (b) Keputusan penubuhan *Syarikat Start-Up* akan dimaklumkan kepada pemohon dan perjanjian pemindahan teknologi yang bersesuaian akan ditandatangani oleh kedua-dua pihak.

7.1.5 Bagi permohonan yang telah diluluskan untuk penubuhan Syarikat *Start-Up*, Staf atau Pelajar perlu membuat persediaan dan tindakan seperti berikut:

- (a) Melengkapkan borang permohonan menjalankan pekerjaan luar dan pemilikan syarikat seperti di perenggan 6.8.3 (a) untuk tindakan Bahagian Integriti, Pejabat Naib Canselor UTeM;

- (b) Pendaftaran pemilikan tunggal atau syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan menyerahkan maklumat pendaftaran kepada RICE;
- (c) Melengkapkan borang kebenaran sumbangan modal atau pemilikan saham seperti di perenggan 6.8.3 (b); dan
- (d) Menandatangani perjanjian Perjanjian Perlesenan Harta Intelek, atau perjanjian yang bersesuaian, antara UTeM dan Syarikat *Start-Up*.

7.1.6 Pihak Syarikat *Start-Up* hendaklah membuat bayaran Yuran Pengurusan dan Royalti kepada UTeM mengikut terma perjanjian.

7.1.7 Pihak Syarikat *Start-Up* hendaklah membuat pelaporan mengenai aktiviti, prestasi, kewangan dan lain-lain kepada RICE, JKTSPi dan pihak lain yang berkaitan.

7.1.8 Carta Alir Penubuhan Syarikat *Start-Up* adalah seperti di **Lampiran 3** Garis Panduan ini.

7.2 **Prosedur Pendaftaran Syarikat *Start-Up* dan Pematuhan Statutori Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197), Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Syarikat 2016**

7.2.1 Bagi memastikan Syarikat *Start-Up* dapat beroperasi dengan sah di sisi undang-undang di Malaysia, staf atau pelajar yang memohon penubuhan Syarikat *Start-Up* UTeM hendaklah mengikut dan mematuhi segala keperluan statutori Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atau Akta Syarikat 2016, mengikut jenis Syarikat *Start-Up*.

7.2.2 Pendaftaran dan penubuhan Syarikat *Start-Up* wajib dibuat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan perlu melalui

setiausaha syarikat berdaftar yang dilantik oleh Syarikat *Start-Up* bagi model Sdn. Bhd.

- 7.2.3 Setiausaha syarikat berdaftar berperanan bagi menguruskan segala dokumen dan keperluan statutori bagi Pihak Syarikat *Sdn. Bhd.* Setiausaha syarikat berdaftar akan melaporkan penyata tahunan (*annual return*) berkeenaan Syarikat Sdn. Bhd. kepada SSM setiap tahun. Bagi Pemilikan Tunggal dan PLT hanya pemilik syarikat melaporkan penyata tahunan yang disahkan.
- 7.2.4 Pemilik Syarikat *Start-Up* Sdn. Bhd. yang ditubuhkan perlu melantik juruaudit berdaftar bagi menjalankan kerja-kerja pengauditan dan menyediakan laporan kewangan tahunan beraudit bagi Syarikat *Start-Up* Sdn. Bhd. Syarikat *Start-Up* Sdn. Bhd. juga perlu mengemukakan laporan kewangan tahunan beraudit (*annual audited report*) kepada SSM setiap tahun.
- 7.2.5 Segala kos yuran pengurusan yang dikenakan oleh setiausaha syarikat berdaftar dan yuran audit yang dikenakan juruaudit berdaftar atas khidmat professional yang diberikan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat *start-up* Sdn. Bhd.
- 7.2.6 Syarikat *Start-Up* juga perlu mengemukakan dan memfailkan penyata tahunan pendapatan bercukai (*income tax return*) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bagi maksud melaporkan pendapatan bercukainya dan melunaskan bayaran cukai yang dikenakan terhadap Syarikat *Start-Up* pada setiap tahun. Syarikat *Start-Up* boleh memilih samada ingin menguruskan sendiri urusan pemfailan percukaian yang dimaksudkan di atas atau melantik agen cukai berdaftar yang menguruskan bagi pihaknya.

7.2.7 Kegagalan sesuatu syarikat mengemukakan penyata tahunan (*annual return*) dan laporan kewangan tahunan beraudit (*annual audited report*) kepada SSM setiap tahun merupakan suatu kesalahan dari segi undang-undang Akta Syarikat 2016. Manakala kegagalan sesuatu syarikat mengemukakan penyata tahunan pendapatan bercukai (*income tax return*) dan melunaskan bayaran cukai kena dibayar merupakan kesalahan dari segi undang-undang Akta Cukai Pendapatan 1967.

7.2.8 Semua Syarikat *Start-Up* UTeM yang ditubuhkan selepas tarikh garis panduan ini berkuatkuasa dibenarkan mengambil perkhidmatan Setiausaha Syarikat Berdaftar dan Juruaudit Berdaftar.

7.2.9 UTeM tidak bertanggungjawab terhadap sebarang tindakan undang-undang yang dikenakan kepada Syarikat *Start-Up* yang didapati melanggar obligasi statutori dan pematuhan Undang-undang Malaysia.

7.3 **Prosedur Kerja Penutupan Syarikat *Start-Up***

Permohonan penutupan Syarikat *Start-Up* boleh dilaksanakan dalam dua (2) kaedah iaitu permohonan oleh staf atau pelajar di dalam Syarikat *Start-Up* atau penutupan oleh Pihak Pengurusan UTeM.

7.3.1 **Permohonan Penutupan Syarikat *Start-Up* oleh Staf atau Pelajar**

- (i) Staf atau pelajar UTeM yang memiliki Syarikat *Start-Up* UTeM, dan dengan persetujuan Pekongsi atau Pemegang Ekuiti di Syarikat *Start-Up* yang berkenaan, boleh membuat permohonan melalui RICE ke ME untuk menutup Syarikat *Start-Up* berdasarkan mana-mana alasan yang berikut:
 - (a) Tidak berhasrat untuk meneruskan aktiviti perniagaan tertakluk kepada terma dan syarat di

dalam Perjanjian Pelesenan Harta Intelekt yang dimeterai; atau

- (b) Berlaku kematian dan pembahagian modal staf atau pelajar diwariskan kepada pewaris atau;
 - (c) Berlaku perubahan sumbangan modal dalam Syarikat *Start-Up* iaitu samada berlaku pelepasan modal milik staf atau pelajar UTeM kepada individu luar.
-
- (ii) Kelulusan bertulis permohonan penutupan Syarikat *Start-Up* dikeluarkan oleh UTeM melalui RICE.
 - (iii) UTeM boleh memendekkan tempoh atau membatalkan Syarikat *Start-Up* yang diluluskan kepada staf dengan memberi notis bertulis tiga puluh (30) hari.
 - (iv) Staf atau pelajar boleh memohon membatalkan, menangguhkan atau memendekkan tempoh Syarikat *Start-Up* yang telah diluluskan. Kelulusan permohonan akan di perolehi daripada ME melalui RICE.
 - (v) Penutupan Syarikat *Start-Up* perlu mendapatkan persetujuan semua Pekongsi atau Pemegang Ekuiti.
 - (vi) Setelah mendapat kelulusan UTeM, Staf atau pelajar UTeM yang memiliki Syarikat *Start-Up* berkenaan perlu membuat tindakan sewajarnya di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atau Akta Syarikat 2016 bagi kaedah menutup syarikat Pemilikan Tunggal atau PLT.

- (i) Bukti penutupan Syarikat *Start-Up* secara rasmi perlu hendaklah dikemukakan kepada RICE. Kegagalan Staf atau Pelajar mengemukakan bukti penutupan syarikat *Start-Up* boleh dianggap oleh UTeM sebagai ingkar arahan dan salah laku oleh Staf yang boleh dikenakan tindakan pentadbiran yang bersesuaian.

7.3.2 Strategi Keluar (*Exit Strategy*)

Berikut ini menunjukkan beberapa laluan keluar Syarikat *Start-Up*:

Strategi	Hasil dan Pulangan Yang Dijangka
Jualan Perniagaan (Trade Sale)	Jualan aset dan perniagaan bagi syarikat. Semua aset ditukar kepada tunai apabila syarikat menamatkan perniagaan dan modal yang diperolehi atau keuntungan akan dipulangkan kepada pekongsi modal atau pemegang saham. Jika semua modal atau saham dalam syarikat dijual kepada seorang pembeli, pekongsi modal atau pemegang modal akan menerima hasil daripada jualan modal atau saham itu.
Penggabungan (Merger)	Penggabungan dengan syarikat lain. Sumbangan modal atau ekuiti dalam syarikat akan ditukar dengan modal atau saham dalam syarikat lain itu.
Penebusan Modal / Saham (Redemption of Modals / Shares)	Sumbangan modal atau saham akan ditebus oleh syarikat. Modal atau saham akan dipulangkan dan dibatalkan dan syarikat akan membayar harga belian yang dipersetujui.
Penutupan (Winding-up)	Sekiranya syarikat perlu ditutup sama ada secara sukarela atau melalui perintah mahkamah, ia akan tertakluk kepada peraturan penggulungan dan prosedur di bawah Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atau Akta Syarikat 2016

Staf atau pelajar perlu membuat permohonan melalui RICE ke ME untuk laluan keluar Syarikat *Start-Up*. Kelulusan permohonan akan diperolehi daripada ME melalui JKTSPi dan RICE.

7.3.3 Penutupan Syarikat *Start-Up* oleh Pihak UTeM

- (i) Pihak Pengurusan UTeM berkuasa untuk memansuhkan pengiktirafan Syarikat *Start-Up* UTeM sekiranya salah satu perkara di bawah berlaku iaitu:
 - (a) Perjanjian Pelesenan Harta Intelekt telah tamat dan tiada tindakan untuk menyambung pelesenan harta intelek yang baharu; atau
 - (b) Syarikat *Start-Up* melanggar atau gagal mematuhi Perjanjian Perlesenan Harta Intelekt;
 - (c) Syarikat *Start-Up* menyalahgunakan status yang membolehkan reputasi UTeM terjejas; atau
 - (d) Syarikat *Start-Up* melaksanakan aktiviti di luar bidang kepakaran; atau
 - (e) Syarikat *Start-Up* melaksanakan perundingan bagi pihak staf UTeM yang lain; atau
 - (f) Staf atau pelajar tidak mematuhi undang-undang yang berkuatkuasa; atau
 - (g) Staf yang telah bersara dan tidak lagi berkhidmat dengan UTeM; atau
 - (h) Keterlibatan Staf atau Pelajar dalam Syarikat *Start-Up* menjejaskan prestasi kerja hakiki atau pelajar dengan pengesahan oleh PTJ; atau
 - (i) Syarikat *Start-Up* gagal dalam aktiviti pengkomersilan dan telah beroperasi dalam keadaan kerugian sehingga menjejaskan operasi Syarikat *Start-Up*; atau
 - (j) Syarikat *Start-Up* tidak memberi sebarang sumbangan kewangan kepada UTeM; atau

- (k) Syarikat *Start-Up* telah menjalankan aktiviti yang tidak selari dengan tujuan asal penubuhan syarikat *Start-Up*; atau
 - (l) Staf atau pelajar dikenakan tindakan tatatertib oleh pihak UTeM; atau
 - (m) Syarikat *Start-Up* telah ditutup secara sukarela; atau
 - (n) Syarikat *Start-Up* menerima arahan penggulungan oleh mahkamah.
- (ii) Staf atau pelajar UTeM yang memiliki Syarikat *Start-Up* berkenaan perlu membuat tindakan sewajarnya di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 atau Akta Syarikat 2016 bagi kaedah menutup syarikat perniagaan Pemilikan Tunggal atau PLT atau Sdn. Bhd.
- (iii) Bukti penutupan Syarikat *Start-Up* secara rasmi hendaklah dikemukakan kepada RICE. Kegagalan Staf atau Pelajar mengemukakan bukti penutupan syarikat *Start-Up* boleh dianggap oleh UTeM sebagai ingkar arahan dan salah laku oleh Staf yang boleh dikenakan tindakan pentadbiran yang bersesuaian.

7.3.4 KESAN AKIBAT PENUTUPAN SYARIKAT *START-UP*

Kesan daripada pemansuhan/penutupan Syarikat *Start-Up* adalah seperti berikut:

- (i) Tidak akan lagi dianggap dan disenaraikan sebagai Syarikat *Start-Up* UTeM;
- (ii) Perjanjian Perlesenan Harta Intelekt yang telah ditandatangani akan ditamatkan atau terbatal;

- (iv) Tidak mempunyai hak untuk menggunakan dan mengkomersilkan Harta Intelekt atau teknologi UTeM dan hendaklah memulangkan Harta Intelekt atau teknologi yang diperolehi dengan segera; dan
- (v) Bertanggungjawab untuk membayar atau menyelesaikan segala bayaran yang sepatutnya dibayar kepada UTeM di dalam Perjanjian Perlesenan Harta Intelekt UTeM termasuklah Yuran Pengurusan dan Royalti.

BAHAGIAN 4

8.0 PEMATUHAN SYARIKAT *START-UP* TERHADAP UNDANG - UNDANG

8.1 Tindakan ke atas Staf atau Pelajar Yang Gagal Mematuhi Undang-Undang

8.1.1 Staf atau pelajar UTeM yang melanggar mana-mana atau keseluruhan peruntukan di dalam Garis Panduan ni boleh dikenakan tindakan tatatertib.

8.1.2 Kebenaran penubuhan Syarikat *Start-Up* tidak melepaskan staf daripada tanggungjawab hakiki sebagai staf UTeM. Oleh yang demikian staf hendaklah membuat permohonan kebenaran pekerjaan luar pada setiap tahun kepada Naib Canselor melalui Ketua PTJ.

8.1.3 Staf atau Pelajar yang menguruskan Syarikat *Start-Up* dikira cuai atau gagal sekiranya melakukan salah satu atau gabungan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada perkara yang berikut:

- (i) Tidak menunjukkan usaha bersungguh-sungguh melaksanakan segala perancangan aktiviti untuk pengkomersilan; atau
- (ii) Tidak mengemukakan laporan jualan dan laporan audit kewangan syarikat *start-up* seperti yang ditetapkan oleh UTeM; atau
- (iii) Tidak berjaya mengkomersilkan produk/teknologi UTeM melebihi tempoh 3 tahun; atau
- (iv) Mengalami kerugian; atau
- (vi) Tidak memperbaharui kebenaran menjalankan kerja luar.
- (vii) Tidak mengisytiharkan kepada UTeM sebarang kepentingan atau percanggahan kepentingan

8.1.4 Sekiranya Staf atau Pelajar melaksanakan salah satu atau gabungan daripada perkara yang dinyatakan pada perkara 8.1.3 di atas, UTeM berhak:

- (i) mengenakan tindakan tatatertib terhadap Staf atau Pelajar tersebut;
- (ii) menuntut ganti rugi terhadap staf atau pelajar yang melanggar mana-mana atau keseluruhan dasar, garis panduan serta peraturan atau undang-undang yang berkuat kuasa dan perjanjian perlesenan sepertimana yang diperuntukkan di dalam Perjanjian Perlesenan Harta Intelekt UTeM.

8.2 **Peruntukan Khas UTeM terhadap Syarikat *Start-Up***

Walau apapun yang terkandung di dalam Garis Panduan ini, UTeM berhak meminda apa-apa peraturan dan peruntukan syarat-syarat dan/atau menambahnya pada bila-bila masa sahaja tanpa sebarang pemberitahuan dan staf atau pelajar UTeM adalah tertakluk kepada pindaan-pindaan dan/atau tambahan-tambahan tersebut.

8.4 **Pemantauan**

RICE bertanggungjawab memantau dan melaporkan prestasi Syarikat *Start-Up* kepada JKTSPI melalui—

8.3.1 Laporan jualan atau/dan laporan kewangan Syarikat *Start-Up* kepada pihak RICE setiap tahun; dan

8.3.2 Laporan jualan atau/dan laporan kewangan Syarikat *Start-Up* kepada RICE jika diminta oleh Kementerian atau pihak berkuasa.

8.5 Staf yang meninggalkan Syarikat *Start-Up* dengan meletak jawatan sebagai pengarah syarikat atau melupuskan sumbangan modal atau pegangan saham hendaklah melaporkannya melalui surat rasmi kepada UTeM melalui RICE.

- 8.6 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada pindaan oleh pihak UTeM dari semasa ke semasa.
- 8.7 Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada undang-undang, dasar, peraturan, pekeliling dan garis panduan yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa.

BAHAGIAN 5

9.0 PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN SYARIKAT *START-UP*

9.1 Inisiatif Pengurusan Risiko yang Perlu Dilaksanakan oleh Syarikat *Start-Up*

9.1.1 Setiap Syarikat *Start-Up* perlu mengambil langkah-langkah pencegahan bagi menangani sebarang risiko dalam menjalankan perniagaan mereka.

9.1.2 Penekanan dalam pengurusan risiko syarikat *start-up* adalah seperti berikut:-

- (i) Risiko Ketidakpatuhan Undang-undang Pentadbiran Syarikat Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197) atau Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012) atau Syarikat (Akta Syarikat 2016)
- (ii) Risiko Dalam Operasi (meliputi pembuatan dan pengilangan)
- (iii) Risiko Dalam Pengurusan Sumber Manusia (meliputi pematuhan perundangan merekrut pekerja dan manfaat yang ditawarkan)
- (iv) Risiko Pemasaran Produk (meliputi persaingan, pengedaran produk, pertandingan harga produk dan lain-lain)
- (v) Risiko Pengurusan Kewangan (meliputi kawalan aliran tunai dan kredit, pungutan penghutang, pemiutang, aliran modal kerja)
- (vi) Risiko Imej (meliputi penjenamaan, imej syarikat dan UTeM)
- (vii) Risiko Pengurusan Fasiliti (meliputi penempatan bagi menjalankan perniagaan dan keselesaan tempat pekerjaan)

- (viii) Risiko Kualiti Produk (meliputi inisiatif jaminan kualiti produk)
- (viii) Lain-lain risiko perniagaan yang difikirkan sesuai.

9.1.3 UTeM tidak mempunyai liabiliti dan tanggungjawab ke atas apa-apa risiko yang timbul daripada aktiviti Syarikat *Start-Up*.

9.2 Pelan Tindakan dan Kawalan Dalaman RICE

9.2.1 Latihan dan Bimbingan Perniagaan

RICE akan memberikan bimbingan dan latihan berkaitan pengurusan perniagaan kepada staf yang terlibat dengan Syarikat *Start-Up*.

9.2.2 Pembelian Insuran oleh Syarikat *Start-Up*

Pembelian insuran adalah suatu amalan pengawalan risiko oleh syarikat. Syarikat *Start-Up* dimestikan untuk mengambil polisi insuran di bawah:

- (i) Pembelian insuran jaminan indemniti produk (*product indemnity insurance*) bagi pengilangan produk.
- (ii) Pembelian insuran kemalangan peribadi kepada semua staf atau pelajar UTeM dalam syarikat *start-up* bagi mengalihkan risiko terhadap diri staf atau pelajar UTeM.
- (iii) Pembelian insuran indemniti profesional (*professional indemnity insurance*) bagi syarikat *start-up* yang menjalankan perniagaan berbentuk aktiviti perundingan.
- (iv) Pembelian insuran yang perlu dan berkaitan dengan bidang tujuhan.

BAHAGIAN 6

10.0 PENGGUNAAN ASET, KEMUDAHAN DAN PERKHIDMATAN UTeM

10.1 Aset, Kemudahan dan Perkhidmatan UTeM

Syarikat *Start-Up* boleh menggunakan aset, kemudahan, dan perkhidmatan asas yang disediakan oleh Universiti, seperti Pusat Inkubasi Syarikat, dengan kebenaran UTeM. Walau bagaimanapun, aset, kemudahan, dan perkhidmatan UTeM yang digunakan oleh Syarikat *Start-Up* tidak boleh dijual, dibeli, dicagar, atau dipindahkan hak milik kepada Syarikat *Start-Up*.

10.2 Caj Penggunaan

UTeM berhak menetapkan bayaran untuk penggunaan ruang, aset, kemudahan, dan perkhidmatan UTeM oleh Syarikat *Start-Up*, seperti yang dijelaskan dalam Perenggan 10.1 di atas.

10.3 Aset dan Kemudahan

- (i) Aset merujuk kepada harta benda yang dimiliki atau berada di bawah kawalan UTeM. Aset ini terbahagi kepada dua kategori: aset tetap dan inventori.
- (ii) Kemudahan merangkumi kelengkapan seperti perabot, utiliti, rangkaian internet, kemudahan pendingin hawa, dan lain-lain.
- (iii) Caj akan dikenakan untuk setiap penggunaan aset dan kemudahan, bergantung pada jenis aset dan kemudahan, termasuk luas ruang kaki persegi, tempoh penggunaan, jarak, dan jumlah pengguna.
- (iv) UTeM berhak mengenakan caj atau ganti rugi kepada Syarikat *Start-Up* jika terdapat keperluan atau berlaku kerosakan.
- (v) Syarikat *Start-Up* perlu mendapatkan kebenaran daripada pemilik aset PTj sebelum menggunakan aset tersebut.

10.4 **Perkhidmatan**

- (i) Perkhidmatan merujuk kepada sebarang bentuk perkhidmatan yang boleh ditawarkan, seperti perundingan, kepakaran, tenaga kerja, atau lain-lain. Contohnya termasuk khidmat kepakaran dalam bidang kejuruteraan, pengurusan, dan IT, antara lain.
- (ii) Kadar untuk setiap perkhidmatan boleh dikenakan berdasarkan kadar UTeM atau mengikut kadar pasaran semasa.
- (iii) Setiap perkhidmatan mesti mendapatkan kelulusan daripada Universiti, PTj, atau individu (staf) yang berkenaan.

10.5 **Keutamaan dalam Penggunaan Aset, Kemudahan dan Perkhidmatan**

- (i) Penggunaan aset, kemudahan, dan perkhidmatan oleh Syarikat *Start-Up* mesti mendapat kelulusan daripada UTeM dan tidak boleh menimbulkan konflik kepentingan atau menjejaskan kepentingan serta kebajikan pelajar dan staf UTeM.
- (ii) Syarikat *Start-Up* wajib mematuhi peraturan dan prosedur yang ditetapkan untuk penggunaan aset, kemudahan, dan perkhidmatan. UTeM berhak mengambil tindakan undang-undang jika Syarikat *Start-Up* gagal mematuhi peraturan tersebut.

BAHAGIAN 7

11. PERCANGGAHAN KEPENTINGAN DAN KOMITMEN STAF UTeM SECARA AM

11.1 Walaupun UTeM membenarkan dan menggalakkan Staf melibatkan diri dalam aktiviti Pengkomersialan Harta Intelek UTeM tetapi semua Staf yang terlibat dengan aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UTeM di dalam Syarikat *Start-Up* hendaklah bertindak dengan jujur, penuh integriti dan mengutamakan kepentingan UTeM semasa menjalankan aktiviti pengkomersialan.

11.3 Aktiviti pengkomersialan Syarikat *Start-Up* tidak seharusnya mengganggu obligasi Staf terhadap UTeM iaitu seperti berikut:

- (i) Staf mestilah memenuhi tanggungjawabnya terhadap fakulti, kampus, pusat, bahagian, atau unit pentadbiran yang ditetapkan untuknya;
- (ii) Staf mestilah mendedahkan semua peranggahan kepentingan atau percanggahan komitmen yang wujud akibat daripada aktiviti pengkomersialan Harta Intelek UTeM kepada RICE; dan
- (iii) Staf mestilah memberikan maklumat seperti yang diminta oleh RICE untuk tujuan menilai percanggahan kepentingan atau percanggahan komitmen dengan telus dan segera.

11.5 Perlanggaran terhadap mana-mana bahagian atau perkara seperti yang ditetapkan di dalam Garis Panduan ini akan dianggap sebagai salah laku dan Staf boleh dikenakan hukuman pentadbiran hingga dan termasuk hukuman tatatertib di bawah Akta 605.

KUAT KUASA DAN PEMAKAIAN

11.1 Kuat kuasa

Garis Panduan ini berkuat kuasa pada tarikh ianya diluluskan oleh LPU.

11.2 Pemakaian

Pemakaian Garis Panduan ini adalah tertakluk kepada peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (Akta 197), Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Syarikat 2016, Akta Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000, Perlembagaan Universiti, Pekeliling Perbendaharaan dan UTeM dan apa-apa undang-undang bertulis atau garis panduan yang lain yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa. Mana-mana peruntukan dalam Garis Panduan ini yang bertentangan dengan mana-mana undang-undang adalah terbatal setakat mana ianya bertentangan.